

26 APR 2003

Khalil-Pilihan raya

UMNO BERSEDIA HADAPI PILIHAN RAYA UMUM, KATA KHALIL

KUALA KANGSAR, 26 April (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata Umno bersedia menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa sekarang.

Beliau berkata persediaan telah dibuat di semua peringkat termasuk bahagian dan cawangan di seluruh negara.

"Kita sudah bersedia tetapi tarikh pilihan raya umum terpulanglah kepada pucuk pimpinan (kerajaan)," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuala Kangsar di sini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata analisa yang dibuat oleh Umno mendapati jentera parti telah mencapai tahap persediaan untuk menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa sahaja.

Analisa itu dibuat berdasarkan laporan anggota Majlis Tertinggi, wakil-wakil rakyat, cawangan dan bahagian serta laporan anggota MT yang memang ditugas memantau negeri-negeri tertentu, katanya.

Khalil berkata, pencapaian tahap persediaan itu adalah hasil program intensif yang dijalankan parti sejak pilihan raya lepas, termasuk kursus-kursus dan latihan untuk ahli-ahli dan penceramah.

Beliau berkata sokongan orang ramai terhadap parti juga semakin meningkat berdasarkan respons yang diterima semasa lawatan pemimpin-pemimpin, terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Pemimpin-pemimpin kita diberi sambutan meriah, termasuk di Kelantan dan Terengganu. Ini satu lagi petanda kita sudah bersedia," katanya.

Beliau juga berkata, parti kini semakin kuat dengan pelbagai program yang diadakan sepanjang masa dan ini lebih terserlah dengan penonjolan Puteri Umno yang mampu menarik golongan muda wanita.

"PAS dulu mendakwa ia berjaya menarik golongan muda dan profesional. Tetapi ia kini semakin tertekan dengan prestasi Puteri yang begitu baik dan mengadakan bukan sahaja program berbentuk politik tetapi juga pendidikan dan kebajikan," katanya.

Khalil berkata kempen menambah ahli dan pendaftaran ahli sebagai pengundi juga mendapat sambutan baik dan senarai mutakhir ahli parti yang tulin dan telah dibersihkan akan diumumkan pada perhimpunan agung Jun ini.

-- BERNAMA

AR MOZ